



eBuletin FSB

EDISI JAN - JUN 2021

fsb.umk.edu.my **FAKULTI SAINS BUMI**



Usaha Bawa Pulang Rangka Gajah ASIA *Elephas Maximus* m.s 07

Fakulti Sains Bumi
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Jeli
17600 Jeli
Kelantan



09 - 947 7341



09 - 947 7342

eISSN 2716-6619



7 772716 661004



OfficialUMK
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP
is our URUS

Kita
#BinaLegasiUMK
Bersama

#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream

Sidang Editorial

PENASIHAT

PROF. MADYA Ts. DR. MOHAMAD FAIZ MOHD AMIN
Ts. Dr. NOOR JANATUN NAIM JEMALI
ChM. DR. ROZIDAINI MOHD GHAZI

KETUA PENYUNTING
DR. WONG HIE LING

PENYUNTING
Ts. DR. SHAPARAS DALIMAN
DR. ELVAENE JAMES
DR. HAFZAN EVA MANSOR
DR. MARIEANNE CHRISTIE LEONG
DR. MUHAMMAD FIRDAUS ABDUL KARIM
DR. NOORZAMZARINA SULAIMAN
PN. SITI AISYAH NAWAWI
PN. SITI HAJAR YA'ACOB

Hak Cipta Fakulti Sains Bumi 2021

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Fakulti Sains Bumi.

Judul buku:

Buletin Fakulti Sains Bumi Edisi Januari – Jun 2021
Nombor e-ISSN: 2716-6619

Diterbitkan oleh:

Fakulti Sains Bumi
Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli,
17600 Jeli,
Kelantan,
Malaysia.

Kandungan

Muka surat : 01

Penganjuran E-Kolokium Kursus Projek Penyelidikan II Bagi Pelajar Tahun Akhir FSB 2020/2021

Muka surat : 02

Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Permohonan Program Akademik Baharu Untuk Mesyuarat Saringan Awal Di Jabatan Sumber Asli Dan Kelestarian UMK

Muka surat : 03

International Webinar On Management Of Rice Soils For Sustainable Agriculture

Muka surat : 04

Bengkel Penyelarasan Dan Penelitian Silibus Serta Pembangunan Modul Pengajaran Dan Panduan Makmal Program Akademik Di Jabatan Persediaan Sains UMK

Muka surat : 05

Bengkel Manual Makmal Asasi Sains I Jabatan Persediaan Sains UMK

Muka surat : 06

Bengkel Pemurnian Garis Panduan Dan Rubrik Penilaian Work-based Learning (WBL) Program Sains Sumber Asli

Muka surat : 07

Membawa Pulang
Rangka Gajah Asia
(*Elephas Maximus*)
Ke Fakulti Sains Bumi

Muka surat : 08

Webinar Industrial Talk 2021:
Akta Pemuliharaan Hidupan
Liar 2010 [Akta 716]

Muka surat : 09

Bantuan Komputer Riba Untuk Pelajar
Geologi Universiti Awam Malaysia

Muka surat : 10

Bengkel Projek Penyelidikan Pelajar
Tahun Akhir Program SEG Dan
SEL (Siri 1)

Muka surat : 11

Sambutan Environmental Week And Earth
Hour Secara Atas Talian

Muka surat : 13

Wildlife Virtual Run And Ride

Muka surat : 15

FSB International Webinar On Toward
Sustainable Environment:
Strategies To Protect Our Atmosphere

Muka surat : 16

Preliminary Fieldwork: International
Geomapping Jeli

Muka surat : 17

Bengkel Pemurnian Borang Akreditasi
Sementara Mbot Bagi Program
Akademik Baharu Ijazah Sarjana
Muda Sains Gunaan (Analitik Alam Sekitar)
Di Jabatan Sumber Asli Dan
Kelestarian UMK

Muka surat : 18

International Geomapping
Jeli (IGJ 2021)

Muka surat : 19

Taklimat Siep Dan Perkongsian
Business Model Canvas (BMC)

Muka surat : 20

Webinar "Industrial Insights On
Solar Energy In Malaysia: Current
Status, Prospects And Opportunities"

Muka surat : 21

Rai Kejayaan Pelajar Program Pra Ijazah
Sains UMK

Muka surat : 23

FSB GE Talk Series 2021: Develop
Your Professional Networking
Via LinkedIn

Muka surat : 24

Pemeriksaan Kerjasama PERHILITAN
Negeri Kelantan Bersama
Program Sains Sumber Asli 2021

Muka surat : 25

Seminar Bersama Prof Adjung
Jabatan Geosains

Muka surat : 26

Sambutan Minggu Keselamatan
Dan Kesihatan Perkerjaan 2021
Peringkat Fakulti Sains Bumi

Muka surat : 27

Ceramah Jemputan Kursus Ekologi
Sumber Asli

Muka surat : 28

Bengkel Projek Penyelidikan Pelajar
Tahun Akhir Program SEG Dan SEL (Siri 2)

Muka surat : 29

Geoheritage: Industrial Perspective

Muka surat : 30

Program Siri Ceramah: Literature
Searching, Citing & Referencing

Muka surat : 31

Program Industrial Talk Series:
Kursus Ekonomi,
Perdagangan & Alam Sekitar

Muka surat : 32

Industrial Talk: Introduction
To Technical Writing

Muka surat : 33

Penganjuran e-Kolokium Projek
Penyelidikan Tahun Akhir II Program
Sains Sumber Asli

Muka surat : 35

FSB IP Talk 2.0: Protecting The Creation Of Minds

Muka surat : 36

FSB Research Talk

Muka surat : 37

Kejayaan Produk Termicide Di
Pertandingan Inovasi
Antarabangsa

Muka surat : 38

Produk Inovasi Penyelidik FSB
Merangkul Emas Di Pertandingan
Kebangsaan

PENGANJURAN E-KOLOKIUUM KURSUS PROJEK PENYELIDIKAN II BAGI PELAJAR TAHUN AKHIR FSB 2020/2021

Dr. Nurul Syazana Abdul Halim

Universiti Malaysia
KELANTAN

"THE FIRST STEP FOR DISCOVERING THE TRUTH OF KNOWLEDGE"

Assoc. Prof. Ts. Dr. MOHAMAD FAIZ MOHD AMIN
DEAN OF FSB

SPEAKER
MR ARHAM MUCHTAR ACHMAD BAHAR
"BERTOLAK KE DUNIA NYATA"

Closing Ceremony
FINAL YEAR PROJECT
THE COLLOQUIUM
FACULTY OF EARTH SCIENCE 2021

13 JANUARY 2021, 10.00 AM

f LIVE OFFICIATED BY:
FACULTY OF EARTH SCIENCE



E-Abstract bagi *E-Colloquium 2021* boleh diakses melalui *QR code* ini.

E-kolokium Kursus Projek Penyelidikan II merupakan acara tahunan yang menjadi platform kepada pelajar tahun akhir Fakulti Sains Bumi untuk membentangkan hasil penyelidikan yang diperolehi melalui kursus Projek Penyelidikan II. Acara ini telah dianjurkan sepenuhnya oleh jawatankuasa penyelarasan projek penyelidikan yang terdiri oleh Dr. Noorzamzarina Sulaiman, Dr. Nor Shahrul Umirah Idris, Dr. Elvaene James, Dr. Nurul Syazana Abdul Halim, Pn. Siti Hajar Ya'acob dan turut dibantu oleh staf pentadbiran Fakulti iaitu Cik Noordiana Mohamad Nasir, Pn. Nur Hidayah Hasan dan En. Faathrio Hudaya Zulfin.

Melalui acara ini, hasil kajian dan penemuan yang dibuat oleh para pelajar dinilai oleh pemeriksa yang terdiri daripada para pensyarah yang telah dilantik oleh pihak Fakulti. Matlamat program ini adalah untuk memupuk keyakinan pelajar dalam membentangkan hasil penemuan dan analisis dengan kritis dan jelas.

Bertemakan "*The First Step for Discovering The Truth of Knowledge*", program ini telah menghimpunkan seramai 58 orang pelajar tahun akhir yang terdiri dari Program Sains Kelestarian dan Program Geosains. Acara ini telah berlangsung selama 3 hari bermula dari 11 hingga 13 Januari 2021 secara atas talian. Dengan mengambil kira situasi pandemik semasa, pembentangan pelajar telah dibuat melalui rakaman video manakala, sesi soal jawab telah diadakan secara atas talian sepanjang 11 hingga 12 Januari.


Majlis penutup telah diadakan pada 13 Januari dan dirasmikan oleh YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Faiz Mohd Amin selaku Dekan Fakulti Sains Bumi. Acara ini telah ditonton secara langsung melalui Facebook (Fakulti Sains Bumi – Rasmi). En. Arham Muchtar Achmad Bahar turut diundang pada majlis penutup untuk menyampaikan perkongsian dan amanat para pensyarah kepada pelajar tahun akhir yang bertajuk 'Bertolak ke dunia nyata'. Majlis seterusnya disusuli oleh rakaman video montaj hasil sentuhan pelajar tahun akhir dan juga pengumuman pembentang terbaik: Program Sains Kelestarian (1. Siti Nur Solehah binti Shaikh Azahari, 2. Siti Mariam binti Mohd Helmy, 3. Noor Aiza Izzati binti Mahmod) dan Program Geosains (1. Muhammad Saifudin bin Ismail, 2. Nahdhatunnissaa' binti Bashiron, 3. Nurul Awatif binti Ghazali).

BENGGKEL PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN PERMOHONAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU UNTUK MESYUARAT SARINGAN AWAL DI JABATAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN UMK

Dr. Marieanne Christie Leong

Jabatan Sumber Asli dan Kelestarian, Fakulti Sains Bumi (FSB) bercadang untuk menawarkan program akademik baharu Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Analitik Alam Sekitar) dengan Keahlian mulai semester September 2022. Oleh itu, sebuah bengkel bagi menyediakan kertas cadangan permohonan program akademik baharu untuk Mesyuarat Saringan Awal telah diadakan pada 18 dan 19 Januari 2021 secara bersemuka dan secara atas talian.

Antara motivasi utama yang menggerakkan FSB untuk menawarkan program akademik baharu ini adalah ketersediaan data sekunder alam sekitar yang semakin bertambah, peningkatan penggunaan teknologi seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 seperti automasi, pengkomputeran awan, analitis data raya, serta peningkatan kesedaran dan keprihatin golongan belia dan generasi muda tentang isu perubahan iklim dan alam sekitar yang juga celik dan mahir dalam bidang teknologi maklumat. Faktor-faktor tersebut telah secara langsung dan tidak langsung menjadikan pemodelan statistik dan numerikal sebagai pendekatan utama dalam memahami dan menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan dengan isu alam sekitar dan perubahan iklim. Sehingga kini, terdapat hanya satu program akademik pada peringkat Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan dengan sains data persekitaran di dunia, iaitu di Czech University of Life Sciences Prague, Czech Republic. Oleh itu, Fakulti Sains Bumi telah mengambil inisiatif untuk membangunkan dan menawarkan program akademik baharu berteraskan teknologi dan analitik dalam pengurusan alam sekitar dan perubahan iklim agar dapat melahirkan graduan yang relevan dan memenuhi keperluan industri semasa.



INTERNATIONAL WEBINAR ON MANAGEMENT OF RICE SOILS FOR SUSTAINABLE AGRICULTURE

Dr. Amal Najihah Muhamad Nor

INTERNATIONAL WEBINAR
MANAGEMENT OF RICE SOILS FOR SUSTAINABLE AGRICULTURE

Moderator
 DR. AMAL NAJIHAH MUHAMAD NOR
 Faculty of Earth Science
 Universiti Malaysia Kelantan

External Speaker
 DR. EZEKIEL OKONKWO
 Michael Okpara University of Agriculture
 Umudike, Abia State, Nigeria
 Title: Mapping of soil constraints to rice production at regional or national scale

Internal Speaker
 DR. MUHAMMAD FIRDAUS ABDUL KARIM
 Faculty of Earth Science
 Universiti Malaysia Kelantan
 Title: Is it carbon derived from plants or soil organic matter that drives denitrification in rice cultivars?

LIVE
 officialUMK
 UMKTU

15 FEBRUARY 2021, MONDAY
 4PM (MALAYSIA TIME / MYT)
 9AM (NIGERIA TIME / WAT)

Hashtags: #RiceSoilsUMK, #WeAreUMKFamily, #UMKOneGreen, #OfficialUMK, #Entrepreneurship @ FSB, #UMK

Fakulti sains Bumi (FSB) ditubuhkan dengan visi untuk merintis dalam mengembangkan pengetahuan dan teknologi sumber asli secara berkesinambungan melalui keusahawanan. Kini FSB mengembangkan sayapnya ke seluruh pelusuk dunia ke arah pengantarabangsaan. Kesinambungan dari itu, program “*International Webinar on Management of Rice Soils for Sustainable Agriculture*” telah dijalankan pada 15 Febuari 2021 (15:00-16:15 MYT/ 08:00-09:15 GMT) secara *virtual* di laman UMKTU melalui Facebook dan YouTube Live UMK. Program ini adalah anjuran Fakulti Sains Bumi dengan menjemput penceramah dari luar negara untuk berkongsi kepakaran, ilmu dan pengalaman dalam bidang pemetaan tanah.

Penceramah jemputan dari Nigeria adalah Dr. Ezekiel Okonkwo yang merupakan pensyarah di Michael Okpara University of Agriculture Umudike, Abia State, Nigeria. Beliau juga merupakan penyelidik jemputan di School of Water, Energy and Agrifood, Cranfield University, United Kingdom. Beliau berpengalaman dalam bidang sains tanah, penderiaan jauh dan sistem maklumat geografi yang melibatkan pemetaan tanah dalam pertanian dan penanaman padi terutamanya di negara-negara membangun. Beliau telah menyampaikan ceramah yang bertajuk “*Mapping of Soil constraints to rice production at regional or national scale*”. Manakala panel dalaman yang dijemput adalah Dr. Muhammad Firdaus Abdul Karim, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Bumi yang menyampaikan ceramah bertajuk “*Is it Carbon Derived from Plants or Soil Organic Matter that Drives Denitrification in Rice Cultivars?*”. Webinar ini dikelola oleh moderator iaitu Dr. Amal Najihah Muhamad Nor, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Bumi.

Seramai 98 peserta dari seluruh negara dan luar negara dari pelbagai institusi dan agensi telah menyertai *International Webinar* ini dan ia dilihat satu kejayaan sebagai satu platform perkongsian ilmu dan perbincangan yang dikendalikan secara bersama antara institusi-institusi luar negara serta meluaskan platform pengantarabangsaan.

Webinar ini telah berjaya mencapai objektifnya dalam membudayakan amalan perkongsian ilmu penyelidikan antara penyelidik di FSB dan antarabangsa serta memberikan pendedahan ilmu kajian lapangan dan isu semasa kepada pelajar FSB dan memperkenalkan FSB dan Michael Okpara University of Agriculture Umudike, Nigeria kepada staf, para pelajar UMK dan masyarakat umumnya.




BENGGEL PENYELARASAN DAN PENELITIAN SILIBUS SERTA PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN DAN PANDUAN MAKMAL PROGRAM AKADEMIK DI JABATAN PERSEDIAAN SAINS UMK

Dr. Muhammad Firdaus Abdul Karim, Dr. Wong Hie Ling & Dr. Marinah Muhammad

Pada tahun 2020, program sulung JPSU iaitu Pra-Ijazah Sains telah ditawarkan dengan jayanya serta mendapat kerjasama melalui penglibatan para pensyarah daripada semua fakulti di UMK Kampus Jeli. Bagi tahun 2021, program akademik kedua di JPSU iaitu Program Asasi Sains akan ditawarkan di UMK Kampus Jeli dan memerlukan penglibatan pensyarah bukan sahaja daripada semua fakulti di Kampus Jeli, malahan daripada Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Fakulti Bahasa dan Pembangunan Insaniah (FBI) dan Pusat Kokurikulum juga. Oleh itu, Bengkel Penelitian Silibus dan Modul Pengajaran & Panduan Makmal bagi program-program akademik yang ditawarkan di Jabatan Persediaan Sains Universiti Malaysia Kelantan (JPSU) telah diadakan secara bersiri pada 21 Januari 2021 dan 21 Februari 2021. Tujuan bengkel ini adalah untuk membincangkan gerak kerja dan perjalanan Program Asasi Sains UMK bagi tahun 2021, meneliti silibus bagi kursus-kursus yang ditawarkan dalam Program Asasi Sains UMK dan membangunkan modul bagi semua kursus sains untuk program akademik di JPSU.

Jadual 1 Penyelaras Program dan Bidang Program Akademik JPSU 2020/2021


Jawatan Penyelaras	Nama
Program Pra-Sains	Dr. Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah (FSB)
Program Asasi Sains	Dr. Muhammad Firdaus Abdul Karim (FSB)
Fizik Asasi	Dr. Asanah Radhi (FBKT)
Matematik Asasi	Puan Siti Aisyah Binti Nawawi (FSB)
Kimia Asasi	Dr. Muhammad Firdaus Abdul Karim (FSB)
Biologi Asasi	Dr. Wong Hie Ling (FSB)
Fizik Pra-Ijazah	Dr. Hidayani Jaafar (FBKT)
Matematik Pra-Ijazah	Dr. Hjh. Marinah Muhammad
Biologi Pra-Ijazah	Dr. Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah (FSB)
Kimia Pra-Ijazah	Dr. Musfiroh Jani (FSB)
Bahasa Ketiga	En. Wan Ab Aziz bin Wan Daud (PKPA, FBI)
Bahasa Inggeris	Encik Wan Yusoff Bin Wan Shahrudin (PPBPI)
Keusahawanan	Dr. Wan Farha Binti Wan Zulkifli (FKP)
Ko-Kurikulum	Puan Siti Norhidayah Binti Mat Hussin (Pusat Ko-Kurikulum)



BENGGEL MANUAL MAKMAL ASASI SAINS I JABATAN PERSEDIAAN SAINS UMK

*Dr. Wong Hie Ling, Dr. Muhammad Firdaus Abdul Karim &
Dr. Marinah Muhammad*

Pada 14 Mac 2021, satu bengkel untuk membangunkan modul makmal bagi Program Asasi Sains UMK telah diadakan di Jabatan Persediaan Sains UMK. Bengkel ini telah berlangsung secara atas talian melalui Google Meet dan melibatkan 5 pensyarah daripada 3 kursus sains, iaitu Biologi, Kimia dan Fizik. Dalam Bengkel Manual Makmal Asasi Sains I ini, satu gerak kerja untuk menghasilkan satu manual makmal bagi setiap kursus sains telah dibangunkan untuk merangkumi silibus bagi dua semester pengajian. Pembangunan modul ini adalah amat penting sebagai panduan pelajar semasa menjalankan eksperimen dan aktiviti makmal, di samping melengkapkan silibus untuk semua kursus Sains Program Asasi Sains UMK. Dengan ini, adalah dijangkakan bahawa satu modul untuk setiap kursus Sains akan diterbitkan selepas satu kohort pengajian selesai pada 2022.



BENKEL PEMURNIAN GARIS PANDUAN DAN RUBRIK PENILAIAN *WORK-BASED LEARNING* (WBL) PROGRAM SAINS SUMBER ASLI

Ts. Dr. Shaparas Daliman & Ts. Dr. Suganthi Appalasamy

Struktur kurikulum Program Sains Sumber Asli (SEN) mewajibkan pelajar Tahun 4 untuk mengikut DUA (2) semester kursus latihan industri (WBL). Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya mempunyai pengetahuan dalam bidang sains sumber asli berteraskan keusahawan holistik yang boleh dipraktikkan sepanjang hayat. Mengikut struktur lama kurikulum program SEN, penawaran kursus latihan industri hanya untuk 1 semester sahaja iaitu pada semester 8 (Februari) setiap tahun. Walau bagaimanapun, program SEN telah merangka struktur kurikulum baharu dengan mengadaptasi program 3+1 di mana penawaran kursus latihan industri akan dijalankan selama 2 semester iaitu pada semester 7 (September) dan semester 8 (Februari).

Program 3+1 merupakan sebuah program galakan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang mana perlaksanaannya akan dijalankan pada semester 7 dan 8 bagi menggalakkan pelajar mendapat tempat di industri dan mendapat pengalaman awal sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Ini adalah satu inisiatif bagi mengurangkan masalah pengangguran dalam kalangan pelajar Universiti pada masa akan datang. Rentetan daripada pelaksanaan program tersebut, program SEN telah mengambil inisiatif untuk mengadaptasi program 3+1 yang juga dikenali sebagai WBL dalam kurikulum bagi pelajar melaksanakan 1 tahun latihan industri di mana-mana industri dalam negara dan juga luar negara.

Justeru, Bengkel Pemurnian Garis Panduan dan Rubrik Penilaian WBL Program SEN telah dijalankan pada 16 Mac 2021 yang bertujuan untuk merancang strategi pementapan Latihan Industri SEN yang merangkumi penjenamaan nama kursus, pemurniaan Buku Panduan WBL, penstrukturan rubrik penilaian dan perbincangan MoU, MoA atau LOI dengan agensi yang terlibat.

Penawaran kursus latihan WBL ini dilaksanakan adalah bagi menyediakan peluang kepada pelajar SEN mempunyai tahap kompetensi dan kemahiran pekerjaan yang lebih tinggi untuk berdaya saing di pasaran pekerjaan sekaligus dapat mempertingkatkan kebolehpasaran dalam dunia pekerjaan. Penawaran kursus latihan industri selama 1 tahun ini juga akan dapat meningkatkan keupayaan pelajar dalam mempunyai pengetahuan yang relevan dan terkini, pengalaman praktikal, kemahiran insaniah serta sikap yang positif untuk melengkapkan mereka sebelum berdepan cabaran dunia kerjaya sebenar setelah selesai pengajian pada peringkat ijazah kelak.

KRONOLOGI 3+1, WBL, 2U2I

WBL oleh Agensi Kelayakan Malaysia MQA 2015, Februari 2016	Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i KPT 2017	Latihan Industri SEN September 2020, Februari 2021, September 2021
Program Perdana 3+1 UMK 31 Disember 2015	Projek Perintis Program Perdana 3+1 FTKW 17 Mei 2016	Buku Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i versi BI – Hebahan UMK 20 Disember 2019

STRATEGI PEMANTAPAN LATHAN INDUSTRI SEN

- No. 1: Penjenamaan nama LI/WBL
- No. 2: Buku Panduan WBL & Rubrik Penilaian
- No. 3: MoU, MoA, LOI

MEMBAWA PULANG RANGKA GAJAH ASIA (*ELEPHAS MAXIMUS*) KE FAKULTI SAINS BUMI

Dr. Kamarul Ariffin Kambali @ Hambali



Pada 16 Mac 2021 yang lepas, satu misi untuk membawa pulang rangka gajah Asia atau dikenali dalam bahasa saintifiknya *Elephas maximus* telah berjaya dibawa pulang oleh sekumpulan ahli daripada FSB dan juga PERHILITAN Jeli, Kelantan. Proses bagi mendapatkan rangka gajah Asia ini memerlukan masa yang agak panjang dan mencabar kerana ia bermula dengan permohonan bagi mendapatkan permit, kelulusan daripada pihak kementerian, pencarian oleh pihak PERHILITAN dan seterusnya proses mengambil, membersihkan dan menyimpan.

Tujuan utama pihak Fakulti Sains Bumi (FSB) mendapatkan rangka gajah Asia ini adalah untuk pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada itu, FSB juga dalam proses untuk menambah dan memperbanyakkan koleksi spesimen di Muzium Fakulti Sains Bumi. Koleksi yang unik seperti gajah Asia ini sekaligus dapat menarik minat para pelajar dan masyarakat luar untuk mengenali FSB dengan lebih dekat. Pihak FSB ingin mengucapkan ribuan dan jutaan terima kasih kepada pihak PERHILITAN atas kerjasama penuh yang diberikan bermula dari kelulusan permit sehingga berjaya membawa pulang rangka tersebut ke FSB.



WEBINAR INDUSTRIAL TALK 2021: AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR 2010 [AKTA 716]

Dr. Norashikin Mohd Fauzi

Pada 16 Mac 2021 telah diadakan sesi webinar yang melibatkan jaringan industri bersama pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Kelantan. Penganjuran webinar yang bertajuk “Akta Pemuliharaan Hidupan Liar [Akta 716]” adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan mengenai penguatkuasaan Akta 716 bagi kesalahan yang melibatkan hidupan liar kepada 15 orang pelajar Tahun 3 Program Sains Sumber Asli (SEN) yang mengikuti kursus Perundangan Berkaitan Sumber Asli.

Kursus ini merupakan kursus elektif program SEN yang menfokuskan kepada pembelajaran mengenai perundangan yang digunakan dalam penguatkuasaan, perlindungan dan pemuliharaan sumber asli di Malaysia. Penceramah jemputan bagi webinar ini, Pn. Siti Nur Adni Mat Yaacob, Pegawai Hidupan Liar telah berkongsi ilmu dan pengalaman beliau yang cukup bermanfaat kepada pelajar. Webinar tersebut berjaya mempertingkatkan minat pelajar untuk mendalami dengan lebih lanjut akan kepentingan Akta 716 dalam memastikan kelestarian hidupan liar di Malaysia.

WEBINAR
Industrial Talk 2021

ENE 3213
LEGISLATION RELATED TO NATURAL RESOURCES

**AKTA PEMULIHARAAN
HIDUPAN LIAR 2010
[AKTA 716]
JENAYAH HIDUPAN LIAR**

PENCERAMAH JEMPUTAN:
PUAN SITI NUR ADNI MAT YAACOB
Pegawai Hidupan Liar
PERHILITAN Kelantan

22 MAC 2021 | 9.00 PAGI

MODERATOR:
NURUL MAZUIN KAMARUDDIN

PENSYARAH:
DR. NORASHIKIN FAUZI

PROGRAM SAINS SUMBER ASLI (SEN)
FAKULTI SAINS BUMI

PERHILITAN

Universiti Malaysia
KELANTAN

BANTUAN KOMPUTER RIBA UNTUK PELAJAR GEOLOGI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

Dr. Wani Sofia Udin

Dengan pandemik yang melanda negara, Geological Society of Malaysia (GSM) mendapati terdapat pelajar yang terjejas ekoran arahan pembelajaran secara atas talian. Pihak GSM memutuskan untuk membantu 10 pelajar yang terjejas dengan memberi bantuan komputer riba kepada pelajar dari kalangan keluarga kategori B40.

Oleh itu, unit promosi GSM telah menjalankan survei pada 19 Februari 2021 untuk melihat keadaan para pelajar yang terjejas. Survei telah dijalankan dengan bantuan wakil Kelab Geologi universiti. Pihak Fakulti telah menerima keputusan pemilihan bagi penerima bantuan komputer riba yang telah dijalankan oleh pihak promosi (GSM) yang lalu, khas kepada pelajar geologi universiti awam Malaysia. Lima orang pelajar yang terpilih merupakan pelajar dari program Geosains, Fakulti Sains Bumi, Universiti Malaysia Kelantan. Bantuan ini bukan hanya dapat meringankan bebanan pelajar yang berada dalam kalangan keluarga kategori B40 tetapi sekaligus membantu pelajar semasa pembelajaran dalam situasi pandemik COVID-19 ini. Penyerahan dibuat kepada wakil pelajar oleh penyumbang bersama komputer riba, En. Ahmad Nizam Hassan, pengarah Geosolution Resources Sdn Bhd pada 24 Mac 2021 bertempat di Gua Musang.



BENKEL PROJEK PENYELIDIKAN PELAJAR TAHUN AKHIR PROGRAM SEG DAN SEL (Siri 1)

Dr. Elvaene James & Pn. Siti Hajar Ya'acob

Pada 27 Mac 2021, Bengkel Projek Penyelidikan I untuk pelajar tahun akhir telah berlangsung dengan jayanya. Selari dengan norma baharu, bengkel ini dijalankan secara atas talian yang melibatkan 30 orang pelajar dari program Geosains (SEG) dan 20 orang pelajar Sains Kelestarian (SEL). Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan awal berkenaan dengan perjalanan projek penyelidikan tahun akhir agar pelajar dapat mengendalikan projek secara sistematik dan mempunyai kemahiran analitikal serta bersedia untuk menghasilkan dapatan kajian saintifik yang bermutu.

Pensyarah yang terlibat dalam bengkel ini adalah Dr. Nurul Syazana Abdul Halim (Ketua Penyelaras FYP Fakulti), Dr. Noorzamzarina Sulaiman (Penyelaras FYP I SEG), Dr. Elvaene James (Penyelaras FYP II SEG) dan Pn. Siti Hajar Ya'acob (Penyelaras FYP SEL). Sementara itu, Pn. Siti Zaharah Mat Rohi dijemput sebagai penceramah jemputan daripada Perpustakaan UMK untuk berkongsi mengenai kaedah capaian bahan penulisan yang bersesuaian melalui perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan UMK.

Perjalanan bengkel ini diadakan secara bersama untuk kedua-dua program bagi tajuk umum seperti taklimat moral dan etika, pencarian bahan rujukan dan mobiliti manakala sesi untuk tajuk dalam penulisan tesis seperti pengenalan, ulasan kepustakaan, kaedah penyelidikan dan pembinaan carta gantt diadakan secara 'parallel' mengikut program SEG dan SEL. Tujuan diadakan sesi 'parallel' sedemikian adalah untuk memberikan ruang kepada program SEG berinteraksi dengan pelajar mereka bagi memberi penekanan aspek tertentu dalam keperluan penulisan tesis pelajar mereka. Penekanan untuk pelajar SEG merangkumi dua bahagian iaitu untuk bahagian pertama, para pelajar didedahkan cara untuk menerangkan kawasan kajian secara am termasuklah menjelaskan jenis-jenis ekonomi masyarakat setempat, jumlah penduduk dan bentuk muka bumi di kawasan kajian. Seterusnya, pelajar-pelajar diajar petua-petua untuk melakukan kajian literatur yang melibatkan geologi rantau untuk bahagian negeri Kelantan dan Semenanjung Malaysia, serta kajian yang melibatkan geologi di kawasan kajian secara amnya. Bahagian kedua pula lebih mengajar petua-petua untuk melakukan metodologi yang betul berdasarkan kepada jenis-jenis spesifikasi geologi yang dipilih oleh pelajar-pelajar.




SAMBUTAN ENVIRONMENTAL WEEK AND EARTH HOUR SECARA ATAS TALIAN

Izzatul Nazirah Kamaruldzaman & Dr. Nor Shahirul Umirah Idris

“Switch off your lights for an hour”. Tema yang cukup sinonim apabila berbicara mengenai sambutan *Earth Hour*. Bersempena sambutan *Earth Hour* pada tahun ini yang jatuh pada tanggal 27 Mac 2021, Kelab Sinergi Lestari telah menganjurkan Program *Environmental Week and Earth Hour* bertemakan “*Climate Change to Save Earth*”, yang dirasmikan oleh Pengarah UMK Kampus Jeli, YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Aweng Eh Rak. Sambutan kali ini dilaksanakan secara atas talian berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara Malaysia.

Pelbagai program telah direncanakan sepanjang bulan Mac dengan melibatkan penglibatan dari mahasiswa/siswi UMK dan juga dari institusi luar serta pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO). Jumlah penyertaan bagi semua kategori yang dipertandingkan adalah seramai 180 peserta; di mana Pertandingan Poster (tempat pertama: Nurul Najwa binti Mat Sahar (UMK); tempat kedua: Nabilah Natasya binti Abdullah (UMK)), Pertandingan *TikTok* Kreatif (tempat pertama: Nurul Najwa binti Mat Sahar; tempat kedua: Dayang Nur Atikah binti Abdul Azis (Unisza)) dan Pertandingan Video Pendek (tempat pertama: Nurul Jannah binti Arzmi (Unisza); tempat kedua: Nik Balqies Nur Sofea binti Abdullah (Unisza)).



Selaras dengan tema sambutan *Earth Hour* bagi tahun 2021, satu sesi webinar ilmiah bertajuk “*Youth Activism for Climate Change*” telah disampaikan oleh tiga orang panel jemputan dari Sahabat Alam Malaysia (SAM). Objektif webinar ini adalah untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai masalah alam sekitar terutama pemanasan global dan tindakan yang harus diambil bagi menanganinya.

Penutup sambutan *Environmental Week and Earth Hour* diadakan pada malam hari 27 Mac 2021 dengan sesi pengumuman pemenang bagi semua kategori yang dipertandingkan. Bagi menyokong sambutan *Earth Hour*, peserta juga bergelap secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Majlis penutupan dirasmikan oleh Dekan Fakulti Sains Bumi, YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Faiz Mohd Amin. Memetik kata-kata beliau, “Penjagaan alam sekitar harus diterapkan sebagai rutian dan bukannya sebagai simbolik semata-mata”. Diharapkan melalui penganjuran program kesedaran seperti ini, dapat meningkatkan tahap kesedaran di kalangan pelajar terutamanya sekaligus mendidik mereka menjalani kehidupan yang lebih lestari.

WEBINAR
YOUTH ACTIVISM FOR CLIMATE CHANGE

#umkggreencampus #EnvironmentalWeek&EarthHour
 #kelabsinergylestari #fakultisainsbumi

INVITATION :
 PROF. MADYA TS. DR. AWENG A/L EH RAK, DIRECTOR OF JELI CAMPUS, UNIVERSITY MALAYSIA KELANTAN

MODERATOR :
 MUHAMMAD AMMAR BIN ANUAR, SUSTAINABLE SCIENCE YEAR 2 STUDENT

SPEAKER :

- MS. EVELYN TEH, SENIOR RESEARCHER OF THIRD WORLD NETWORK
- MS. HILARY KUNG, SENIOR RESEARCHER OF SAHABAT ALAM MALAYSIA & THIRD WORLD NETWORK
- MS. MAGESWARI SANGARALINGAM, SENIOR RESEARCHER OF CONSUMERS ASSOCIATION OF PENANG (CAP) & HON. SECRETARY OF SAHABAT ALAM MALAYSIA

27 MARCH 2021 | SATURDAY | 10.00 AM - 12.00 PM

PLATFORM : FACEBOOK LIVE SINERGI LESTARI CLUB UMK

QR CODE FOR REGISTRATION

SINERGI LESTARI CLUB UMK | @SUSTAINABLE_SCIENCES_OFFICIAL | @HEPAUMK

OfficialUMK umk.edu.my | Entrepreneurship is Our Thrust | Kita #BinaLegasiUMK Bersama | #WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream #hepaUMK



WILDLIFE VIRTUAL RUN AND RIDE

Dr. Nazahatul Anis Amaludin, Dr. Kamarul Ariffin Hambali @ Kambali
& Nik Badrulhisham Nek Adek



'Wildlife Is For All, Caring and Loving'

Wildlife Virtual Run and Ride adalah program yang julung-julung kali dianjurkan oleh Kelab Eco-friendly, Fakulti Sains Bumi (FSB) dengan kerjasama Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA). Program ini melibatkan warga Universiti Malaysia Kelantan dan anggota masyarakat di seluruh Malaysia. Tujuan utama program ini adalah untuk memberi kesedaran terhadap mahasiswa dan mahasiswi serta masyarakat keseluruhannya tentang kepentingan hidupan liar dan alam semula jadi.

Cetusan idea program oleh Dr Kamarul Ariffin ini dilaksanakan bersempena dengan sambutan *World Wildlife Day* pada 3 Mac 2021. Ia juga bertujuan bagi membantu pihak berkepentingan dalam melindungi alam semula jadi dan hidupan liar yang mengalami krisis kewangan akibat kesan pandemik COVID-19. Keadaan ini disebabkan oleh kes peningkatan pesakit COVID-19 di Malaysia kian meningkat saban hari yang menyebabkan pihak kerajaan terpaksa melakukan Perintah Kawalan Pegerakan yang menyebabkan pihak berkepentingan ini mengalami masalah kewangan dalam menampung perbelanjaan kos rawatan dan perkhidmatan kepada kehidupan alam semula jadi dan hidupan liar.

Oleh itu, inisiatif program ini adalah bertujuan membantu pihak berkepentingan dalam usaha memastikan kebajikan haiwan yang berada dalam pemuliharaan ex-situ seperti di Zoo Negara atau Pusat Pemuliharaan Haiwan akan terus terbela. Ini juga bersesuaian dengan tema *Wildlife Virtual Run and Ride* peringkat Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Jeli iaitu "*Wildlife Is For All, Caring And Loving*".

Keuntungan yang diperolehi daripada program ini akan disalurkan kepada agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) sebagai usaha kita membantu kerja-kerja perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan alam.

Walaupun situasi COVID-19 di negara kita masih belum pulih, ia tetap tidak melunturkan semangat pelajar Kelab Eco-friendly untuk terus menganjurkan aktiviti secara maya ini. Di samping itu juga, ia memberikan nilai tambah kepada pelajar seperti melatih semangat kerjasama, kemahiran digital serta menjana pendapatan untuk disalurkan kepada pihak berkepentingan dalam memelihara haiwan yang kian terancam. Peserta yang mengambil bahagian hanya perlu menghantar rekod aktiviti sama ada 13,000 langkah bersamaan jarak 10 km melalui aplikasi Whatsapp dan emel. Aktiviti ini berlangsung daripada 8 Februari 2021 hingga 31 Mac 2021.

Antara kit goodies yang diterima oleh semua peserta yang berjaya menamatkan aktiviti dengan jayanya.

REGISTER NOW!

WILDLIFE VIRTUAL RUN & RIDE
CARING AND LOVING

FREE DRAW (PRIZES LIMITED TO 300 EARLY BIRDS)

RUN AND RIDE ANYWHERE FOR
10 KM OR 13000 STEPS

REGISTRATION PERIOD	DELIVERY OF RUNNER KITS START FROM	RUNNING PERIOD
23 FEBRUARY 23 MARCH 2021	MAY 2021	23 FEBRUARY 23 MARCH 2021

SCAN ME

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

WILDLIFE IS FOR ALL
CARING AND LOVING

WILDLIFE VIRTUAL RUN & RIDE

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

WILDLIFE IS FOR ALL
CARING AND LOVING

WILDLIFE VIRTUAL RUN & RIDE

SCAN ME

STRAVA

GARMIN

*Accept accumulative run submission

RECORD YOUR RUN USING ANY RUNNING TRACKER APPS

SCAN ME

FSB INTERNATIONAL WEBINAR ON TOWARD SUSTAINABLE ENVIRONMENT: STRATEGIES TO PROTECT OUR ATMOSPHERE

Dr. Amal Najihah Muhamad Nor

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FSB INTERNATIONAL WEBINAR ON TOWARD SUSTAINABLE ENVIRONMENT: STRATEGIES TO PROTECT OUR ATMOSPHERE

2.00 PM (MALAYSIA TIME) 1 APRIL 2021, THURSDAY
10.00 AM (DUBAI TIME)

LIVE OfficialUMK
STREAM UMKTU

DR. ZEHRA CANAN
Assistant Professor
University of Sharjah, UAE
REDUCING NOISE EMISSION FROM AIRCRAFT FOR ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY

DR. NORRIMI ROSAIDA AWANG
Senior Lecturer
Faculty of Earth Science, Universiti Malaysia Kelantan
LINKAGING THE EMISSION OF PRIMARY GROUND LEVEL OZONE PRECURSORS AND AIR QUALITY

MODERATOR
DR. MUHAMAD AZAHAR ABAS
Senior Lecturer
Faculty of Earth Science, Universiti Malaysia Kelantan

Program International Webinar “Strategies To Protect Our Atmosphere” telah berjaya dianjurkan oleh Fakulti Sains Bumi pada 1 April 2021 dengan menjemput penceramah dari luar negara untuk berkongsi kepakaran, ilmu dan pengalaman dalam pelbagai bidang dalam alam sekitar, sumber asli dan geologi.

Penceramah jemputan adalah Dr. Zehra Canan Araci yang merupakan Assistant Professor di Industrial Engineering and Engineering Management Department, University of Sharjah in United Arab Emirates. Dr. Zehra berpengalaman dalam pengurusan sistem kualiti dan proses produk termasuklah mengawal pencemaran bunyi daripada penerbangan di udara dan beliau terlibat kelestarian dan industri 4.0.

Webinar ini dikelola oleh Dr. Muhamad Azahar Abas selaku moderator dan juga penceramah dalaman iaitu Dr. Norrimi Rosaida Awang. Seramai 98 peserta telah menyertai webinar ini dari pelbagai insituti dalam dan luar negara. Program ini dillihat dapat membudayakan amalan perkongsian ilmu penyelidikan antara penyelidik di FSB dan antarabangsa disamping mempromosikan program akademik yang ditawarkan oleh FSB dan institusi luar negara kepada masyarakat umumnya.

ENDED 1:20:07

Live OfficialUMK

Muhamad Azahar Abas

Dr Amal Najihah Muhamad Nor

UMK TV

LIVE

DR. ZE
Assistant Professor
REDUCI
FOR EN

Zehra Canan Araci

LIVE

LE ENVIRONMENT : STRATEGIES TO PROTECT OUR ATMOSPHERE

PRELIMINARY FIELDWORK: INTERNATIONAL GEOMAPPING JELI

*Arham Muchtar Achmad Bahar, Dr. Wani Sofia Udin
& Farhana Malik*

Program *Preliminary Fieldwork International Geomapping Jeli* adalah program yang dirancang dan dilaksanakan oleh Fakultas Sains Bumi melalui Jabatan Geosains. Program ini dijadualkan secara berkala selama 8 hari (Siri 1: 19 & 20 Mac; Siri 2: 26 & 27 Mac; Siri 3: 31 Mac - 3 April 2021). Lokasi program adalah di sekitar Jeli yang sememangnya terkenal dengan kepelbagaian geologi yang lengkap selain faktor keselamatan dan sokongan infrastruktur yang bersesuaian.



Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mempersiapkan 48 pelajar tahun 2 Program Geosains dengan kemahiran asas pemetaan geologi sebelum mengikuti program pemetaan sebenar iaitu *Program International Geomapping Jeli (IGJ)* sebaik selesai sesi latihan tersebut. Adalah penting untuk menyelaraskan keseragaman akademik pendidikan dan pembelajaran dalam program Geosains khususnya dalam bidang pemetaan geologi. Selain itu, di akhir program pelajar dapat memupuk kemahiran insaniah dan prinsip bekerjasama dalam melakukan kerja-kerja lapangan.

Fakulti Sains Bumi dengan kerjasama negeri dan pelbagai pihak berwajib telah memberi sokongan yang penuh dalam menjamin keselamatan dari awal pelaksanaan hingga tamat program.



BENKEL PEMURNIAN BORANG AKREDITASI SEMENTARA MBOT BAGI PROGRAM AKADEMIK BAHARU IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (ANALITIK ALAM SEKITAR) DI JABATAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN UMK

Dr. Marieanne Christie Leong

Jawatankuasa Program Baharu Analitik Alam Sekitar meneruskan usaha untuk membangunkan silibus baharu dan menyediakan borang akreditasi sementara MBOT (Lembaga Teknologis Malaysia). Pada 4 April 2021, sebuah bengkel telah diadakan bagi memurnikan borang akreditasi sementara MBOT. Bengkel ini diteruskan lagi pada 12 April 2021 bagi melengkapkan borang tersebut. Bengkel ini amat penting bagi memastikan borang tersebut diisi dengan maklumat yang tepat dan terkini. Bengkel ini juga amat penting bagi mendedahkan pelbagai polisi, peraturan, prosedur operasi standard, proses kerja berkaitan akademik dan tadbir urus universiti yang terkini kepada semua pensyarah yang terlibat.



INTERNATIONAL GEOMAPPING JELI (IGJ 2021)

Dr. Wani Sofia Udin

Program *International Geomapping Jeli (IGJ 2021)* telah diadakan selama 9 hari di sekitar Jeli (4 – 12 April 2021). Program IGJ merupakan program tahunan di bawah kelolaan Jabatan Geosains yang dulunya dikenali sebagai *International Geomapping Gua Musang (IGGM)* adalah salah satu kerja lapangan untuk kursus Asas Pemetaan Geologi. Penyertaan program kali ini adalah dari kalangan 48 mahasiswa/wi Geosains Tahun 2 dan juga 36 mahasiswa/wi jurusan geologi dari universiti Indonesia. Pecahan penyertaan secara maya adalah 11 mahasiswa/wi daripada Institut Teknologi bandung (ITB), 9 mahasiswa/wi daripada Universitas Jambi, 6 penyertaan daripada Universitas Tadulako, 6 mahasiswa/wi daripada Universitas Padjadjaran (UNPAD), 2 mahasiswa/wi daripada Universitas Hasanuddin (UNHAS) dan 2 penyertaan daripada Universitas Gadjah Mada (UGM).

Bagi mahasiswa Geosains UMK, kepentingan program ini adalah untuk memberi pendedahan terhadap pemetaan geologi serta mengaplikasikan di dalam kerja lapangan ini. Sebanyak 12 kumpulan telah dibahagikan dan ditempatkan di kawasan-kawasan kajian sekitar Jeli. Antara kawasan kajian adalah Bukit Jeli, Bukit Salor, Kg. Lawar, Kg. Rual, Lata Chenai, Sungai Pergau, Sungai Renyok dan Sungai Tadah. Setiap kumpulan terdiri daripada 6 orang mahasiswa/wi termasuk pelajar antarabangsa yang mengikuti kajian lapangan secara maya yang melibatkan proses pertukaran pelajaran atau kefahaman secara aktif. Setiap hari akan diberi tugas yang berkaitan kursus asas pemetaan untuk dipelajari. Pelbagai kajian tentang batuan, penjumpaan mineral dan fosil yang terbaharu dapat ditemui oleh mahasiswa/wi yang berlangsung selama 9 hari ini.


Di antara penemuan penting sepanjang program ini berlangsung adalah batu amethyst yang ditemui di kawasan perlombongan serta batuan kuartza yang telah dikristalkan. Selain itu, pelajar juga menemukan geologikal struktur pada batuan yang dinamakan sebagai “dragfold” yang mana amat sukar untuk menemukannya semasa di dalam lapangan. Di samping itu, batuan jenis pyrite dan batu gunung berapi turut ditemui. Dengan penemuan tersebut, pelajar dapat mengkaji morfologi dan mengemaskini peta geologi kawasan Jeli melalui aktiviti pemetaan yang dilakukan..



TAKLIMAT SIEP DAN PERKONGSIAN BUSINESS MODEL CANVAS (BMC)


Dr. Musfiroh Jani

Satu sesi taklimat SIEP dan perkongsian Business Model Canvas (BMC) telah diadakan secara atas talian pada 15 April 2021 melalui platform Google Meet. Objektif penganjuran program ini ialah untuk memberi pendedahan berkenaan SIEP baharu dan sebagai persediaan kepada pelajar dan pensyarah/penasihat akademik yang terlibat. Ia diharapkan dapat memberi input mengenai strategi pelaksanaan SIEP baharu kepada pelajar Tahun 2 dan 3 serta pensyarah/penasihat akademik. Program ini juga adalah untuk memberi perkongsian BMC kepada pelajar dan penasihat akademik yang terlibat. Kursus SIEP merupakan kursus dua kredit (2) kredit dan ia menempatkan pelajar di organisasi perniagaan pada setiap cuti antara sesi akademik. Objektif pelaksanaan SIEP adalah untuk memberi pendedahan dan bimbingan kepada pelajar tentang ciri-ciri amalan baik keusahawanan dan menerapkan kemahiran pengurusan perniagaan.



Pensyarah jemputan iaitu Dr. Nazahatul Anis Amaludin daripada Fakulti Sains Bumi telah turut sama hadir bagi menyumbangkan perkongsian berkenaan BMC. Sesi perkongsian ini merupakan sesi yang julung-julung kali diadakan di Fakulti berikutan dengan SIEP baharu yang dijalankan oleh pelajar Tahun 2 dan 3.

Strategi pelaksanaan SIEP baharu memfokuskan jangka masa program di mana pelajar hanya mengikuti SIEP sekali sahaja sepanjang pengajian dan jangka masa program ini adalah selama empat minggu – berbanding 3 hingga 4 siri sebelum ini. SIEP juga akan dibuat dalam tempoh semester pendek antara semester ke-4 dan semester ke-5, berbeza dengan sebelum ini, SIEP dibuat antara tahun pengajian. Pelajar yang mengikuti kursus SIEP wajib lulus kursus AFT1013 Asas Keusahawanan pada semester sebelumnya. Diharap sesi ini dapat memberi manfaat kepada pelajar dan juga penasihat akademik Fakulti Sains Bumi.



WEBINAR “INDUSTRIAL INSIGHTS ON SOLAR ENERGY IN MALAYSIA: CURRENT STATUS, PROSPECTS AND OPPORTUNITIES”


Dr. Marieanne Christie Leong

Selaras dengan Perjanjian Paris (Paris Agreement) 2015 serta Matlamat 7 dan 13 Matlamat Pembangunan Mampan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (Sustainable Development Goals (SDG), United Nations), negara Malaysia telah mengambil inisiatif dan tindakan untuk peralihan ekonomi ke ekonomi hijau. Antara sektor yang giat berusaha untuk beralih ke ekonomi hijau adalah sektor tenaga, khususnya tenaga suria.

Justeru, bagi memperluas pengetahuan pelajar tentang isu dan pembangunan industri semasa tenaga suria di Malaysia, pelajar Tahun 3 Program Sains Kelestarian yang mengambil modul EKE2053 Tenaga dan Sumber Asli telah mengadakan sebuah sesi webinar bertajuk “Industrial Insights on Solar Energy in Malaysia: Current status, prospects and opportunities”.



Webinar ini telah berlangsung secara atas talian di platform Facebook (Fakulti Sains Bumi – Rasmi) pada 19 April 2021, 9:00 – 11:00 pagi. Webinar tersebut bermula dengan pengenalan ringkas dari Dr. Marieanne Leong tentang konsep fizik dalam gelombang suria. Seterusnya, penceramah jemputan utama, En. Chai Ming Chuen, perunding tenaga suria memberi pembentangan yang komprehensif mengenai potensi tenaga suria di Malaysia serta perkembangan, peluang pekerjaan dan peluang keushawanan dalam industry tenaga suria di Malaysia. Penceramah jemputan kedua, Cik Wan Nur Elina dari Plus Solar Systems Sdn. Bhd. kemudiannya memberi pembentangan mengenai landskap pekerjaan di industry solar serta berkongsi tips kerjaya, terutamanya kemahiran teknikal dan kualiti sendiri yang memenuhi kehendak majikan bagi mendorong pelajar untuk memperkasakan kemahiran tersebut. Webinar ini berakhir dengan sesi persoalan dan jawapan di mana penceramah menjawab soalan-soalan yang diterima dari para hadirin.



RAI KEJAYAAN PELAJAR PROGRAM PRA IJAZAH SAINS UMK


Dr. Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah

Syabas dan tahniah diucapkan kepada kesemua 28 pelajar perintis program Pra Ijazah Sains UMK sesi 2020/2021! Majlis Pensijilan Program Pra Ijazah Sains UMK yang telah diadakan pada 22 April 2021 secara *virtual* merupakan satu majlis yang istimewa khususnya bagi para pelajar serta ibu bapa mereka. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik, Prof. Dr. Mohd Rafi bin Yaacob.

Majlis ini telah membuktikan bahawa para pelajar ini merupakan insan-insan yang gigih dan telah berusaha keras untuk belajar bagi mendapatkan segulung sijil. Ini merupakan satu kejayaan yang patut dibanggakan kerana bukan semua anak-anak muda memilih untuk meneruskan pengajian selepas tamat alam persekolahan.



Golongan muda perlu diberi akses kepada pendidikan yang berkualiti dan sama rata. Sehubungan dengan itu, Program Pra Ijazah Sains UMK ini disediakan untuk memberi peluang kedua kepada para pelajar lepasan STPM/Matrikulasi Sains yang tidak bernasib baik pada peluang yang pertama. JPSU melalui Program Pra Ijazah Sains ini akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran dalam setiap kursus, disamping memberi penekanan kepada pembangunan insaniah dari aspek kerohanian, kemahiran berkomunikasi, kemahiran berpasukan, dan kepimpinan. Dengan usaha yang telah dilakukan di Jabatan Persediaan Sains UMK, kami yakin dapat melahirkan pelajar yang mahir dalam akademik, malah mempunyai sifat peribadi yang baik.



Namun demikian, para pelajar dinasihati agar tidak terus berpuas hati apabila sudah melanjutkan pengajian ke Ijazah Sarjana Muda. Usaha berterusan perlu dilakukan bagi meningkatkan keupayaan diri dalam pelbagai aspek termasuklah teknikal. Pelajar perlu terapkan budaya pembelajaran sepanjang hayat selaras dengan aspirasi kerajaan dengan meneruskan usaha meningkatkan kelayakan akademik dan professional dalam bidang masing-masing. Dengan cara ini, para pelajar akan mempunyai peluang yang cerah untuk maju.

Semoga para pelajar yang telah bergelar pelajar UMK ini akan menjadi warga Malaysia yang bermanfaat kepada semua!



FSB GE TALK SERIES 2021: DEVELOP YOUR PROFESSIONAL NETWORKING VIA LinkedIn

Dr. Muhamad Azahar Abas

FSB GE Talk Series telah diadakan pada 25 April 2021 secara atas talian dan merupakan program berkala anjuran unit keboleh pasaran graduan Fakulti Sains Bumi. Bagi pembukaan tahun 2021, *FSB GE Talk Series* telah menjemput seorang pemengaruh dalam LinkedIn iaitu En. Ir. Ammar Mohd Rashid merupakan pengarah urusan AMR Environmental Sdn Bhd. Topik yang dibincangkan pada siri ini adalah berkaitan membangunkan rangkaian profesional pelajar bersama industri melalui platform LinkedIn. Media sosial professional seperti LinkedIn ini bukannya benda baru dalam kalangan profesional dan industri.

Develop Your Professional Networking via LinkedIn

Guest Speaker:
Ir. Ammar Mohd Rashid
Managing Director
AMR Environmental Sdn Bhd

Date : 25 April 2021
Time : 11:00 am - 12.00 pm

Hosted by:
Mr. Nor Hisami Hassin
Lecturer
Faculty of Earth Science

Fakulti Sains Bumi
UMK-Rasmi

@FakultiSainsBumi
fsb.umk.edu.my

Entrepreneurship is Our Thrust

Kita Bersama
#BinaLegasiUMK

#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream

Namun, ia merupakan satu platform yang agak baru buat pelajar di institusi pengajian tinggi. Sehubungan itu, program ini dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada semua pelajar Fakulti Sains Bumi (FSB) mengenai peluang dan teknik membangunkan rangkaian profesional mereka bermula dari institusi pengajian tinggi. Secara tidak langsung dapat membina jenama dan keterlihatan pelajar FSB dalam kalangan industri. Program ini dapat menunjukkan impak positif kepada pelajar FSB dengan persediaan seawal tahun satu berkaitan pembangunan rangkaian profesional masing-masing. Program *FSB GE Talk Series* pada tahun 2021 akan teruskan dengan siri ke-2 dan siri ke-3 dengan topik yang menarik berkaitan meningkatkan kemahiran dan persediaan pelajar FSB bagi menghadapi dunia industri.

ENDED 1:31:16

Muhamad Azahar Abas

Ir. Ammar AMR

En. Nor Hisami Hassin

@FakultiSainsBumi
fsb.umk.edu.my

Entrepreneurship is Our Thrust

Kita Bersama
#BinaLegasiUMK

#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream

FSB GE Talk Series: Develop your Professional Network

PEMERKASAAN KERJASAMA PERHILITAN NEGERI KELANTAN BERSAMA PROGRAM SAINS SUMBER ASLI 2021


Dr. Norashikin Mohd Fauzi



Pada 26 April 2021, telah diadakan program pemerksaan kerjasama pihak industri yang melibatkan pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Kelantan bersama 15 orang pelajar Tahun 3 yang mengikuti kursus ENE3213 Perundangan Berkaitan Sumber Asli di bawah Program Sains Sumber Asli (SEN). Program ini telah dijalankan secara atas talian melalui pautan Google Meet. Kursus ini merupakan kursus elektif program SEN yang menfokuskan kepada pembelajaran mengenai perundangan yang digunakan dalam penguatkuasaan, perlindungan dan pemuliharaan sumber asli di Malaysia.

Aktiviti yang diadakan adalah melibatkan penilaian pentaksiran bagi tugas kursus yang berkaitan dengan jenayah hidupan liar yang disabitkan kesalahan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. Tugas ini adalah bertujuan untuk menilai tahap pemahaman dan pengaplikasian pengetahuan pelajar mengenai penguatkuasaan Akta 716 bagi kesalahan yang melibatkan hidupan liar di Malaysia.

Bagi memantapkan tahap penilaian pentaksiran ini, En. Hazizi Husain dari PERHILITAN Kelantan yang telah berkhidmat lebih 20 tahun dalam bidang penguatkuasaan Akta 716, telah diundang sebagai penilai pentaksiran jemputan. En. Hazizi Husain juga turut berkongsi ilmu dan pengalaman beliau yang cukup bermanfaat kepada para pelajar. Aktiviti penilaian pentaksiran tersebut berjaya mempertingkatkan minat pelajar untuk mendalami dengan lebih lanjut akan kepentingan Akta 716 dalam memastikan kelestarian hidupan liar di Malaysia.



SEMINAR BERSAMA PROF ADJUNG JABATAN GEOSAINS

Dr. Hamzah Hussin

LIVE
STREAMING **f** FAKULTI SAINS BUMI UMK - RASMI

Universiti Malaysia
KELANTAN

ADJUNCT PROFESSOR LECTURE
**REFLECTIONS ON ENGINEERING
GEOLOGICAL PRACTICE
IN MALAYSIA**
(FROM ONSHORE TO OFFSHORE)
27 APRIL 2021 | TUESDAY
14:00 MYT

Speaker
Gs. ABD RASID JAAPAR, P.Geol
Adjunct Professor
Dept. of Geoscience
Faculty of Earth Science
Universiti Malaysia Kelantan

Moderator
DR. NURSUFIAH SULAIMAN
Senior Lecturer
Faculty of Earth Science
Universiti Malaysia Kelantan

@FakultiSainsBumi
fsb.umk.edu.my **#DiscoverFSB** **Entrepreneurship**
is Our Thrust **#BinaLegasiUMK**
Kita Bersama **#WeAreUMKFamily**
#OneUMKOneDream

Satu seminar bersama Prof. Adjung, Jabatan Geosains telah berlangsung pada 27 April 2020. Program seminar ini dianjurkan oleh Jabatan Geosains, Fakulti Sains Bumi, Universiti Malaysia Kelantan. Tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai laluan kerjaya sebagai seorang ahli geologi selepas menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Geosains) dari Universiti Malaysia Kelantan. Penganjuran program ini diharapkan dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada pelajar Geosains mengenai laluan kerjaya sebagai seorang ahli geologi kejuruteraan yang boleh dipilih apabila bergraduat.

Intipati seminar ini merangkumi penglibatan ahli geologi kejuruteraan dalam kerja-kerja pembinaan, samada di daratan atau lautan. Skop tugas seorang ahli geologi kejuruteraan yang luas memberi pilihan kepada pelajar Geosains untuk memilih laluan kerjaya ini. Selain laluan kerjaya, seminar ini juga menekankan keperluan untuk mendaftarkan diri sebagai seorang ahli geologi geologi dalam Lembaga Ahli Geologi bagi membolehkan mempraktikkan ilmu geologi dalam bidang industri.

Seminar berlangsung secara atas talian bermula pada jam 2.00-5.00 petang, yang dipengerusikan oleh Dr Nursufiah Sulaiman, Ketua Program Geosains. Sasaran program ini adalah semua pelajar Program Geosains, dengan keutamaan kepada pelajar Tahun 2 dan 3, program Geosains. Selain penyertaan pelajar program Geosains, seminar ini juga mendapat penyertaan daripada agensi luar seperti Jabatan Mineral dan Geosains, Institut Geologi Malaysia dan wakil industri. Penganjuran seminar ini mencapai objektif yang telah digariskan oleh Jabatan Geosains.

SAMBUTAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PERKERJAAN 2021 PERINGKAT FAKULTI SAINS BUMI

Mohamad Fikri Samsudin

Pada 22 hingga 28 April 2021, bersempena dengan Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia, pihak Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Fakulti Sains Bumi telah menganjurkan satu program yang dinamakan Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021 Peringkat Fakulti bagi menyokong sambutan ini.

Sepanjang program ini dilaksanakan, beberapa aktiviti yang menarik telah dirancang bagi memeriahkan sambutan ini. Memandangkan tarikh pelaksanaan sambutan program ini masih di bawah tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jadi program ini diadakan sepenuhnya secara atas talian. Aktiviti-aktiviti yang telah dirancang adalah Kuiz OSH, Langkah Ramadhanku, Pertandingan Poster OSH, *Webinar First Aider* dan pengedaran risalah keselamatan pekerjaan kepada petugas pembersihan di Fakulti. Perancangan asal aktiviti adalah untuk menganjurkan ceramah kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada petugas pembersihan secara bersemuka. Akan tetapi, disebabkan kekangan PKP yang tidak membenarkan aktiviti perkumpulan orang ramai, aktiviti ini diganti dengan penyampaian risalah keselamatan sahaja kepada petugas pembersihan. Penyerahan risalah ini kepada ketua petugas pembersihan telah disempurnakan oleh Dekan FSB, YBhg. Prof. Madya. Ts. Dr. Mohamad Faiz bin Mohd Amin pada 28 April 2021.



Seramai 69 peserta dari kalangan staf dan pelajar telah menyertai Kuiz OSH. Bagi aktiviti Langkah Ramadhanku, seramai 37 orang staf telah menyertai aktiviti ini. Langkah Ramadhanku ini merupakan aktiviti *virtual run* yang mengukur langkah melalui jam pintar atau aplikasi di dalam telefon pintar. Seramai 14 penyertaan dalam pertandingan Poster OSH dari kalangan pelajar dan staf. Bagi *Webinar First Aider*, seramai 136 peserta dari kalangan staf seluruh UMK telah mengikuti webinar ini. Webinar ini merupakan salah satu aktiviti dengan kerjasama Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH). Diharapkan program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang dan ditambah lagi aktiviti-aktiviti yang lebih menarik dan lebih ke arah pendigitalan seiring dengan perkembangan teknologi dan keadaan semasa.

CERAMAH JEMPUTAN KURSUS EKOLOGI SUMBER ASLI

Dr. Amal Najihah Muhamad Nor

Pada 20 Mei 2021, Jabatan Sumber Asli dan Kelestarian melalui Fakulti Sains Bumi bagi kursus Ekologi Sumber Asli (ENT2083) telah menjemput penceramah dari insititusi luar Universiti Malaysia Kelantan untuk berkongsi kepakaran, ilmu dan pengalaman dalam bidang ekologi sumber asli dengan 45 pelajar tahun 1 Program Sains Sumber Asli (SEN). Penceramah jemputan adalah Dr. Rosmalina Abdul Rashid yang merupakan pensyarah kanan Program Taman Alam Semulajadi dan Rekreasi, Fakulti Perhutanan Tropika di Universiti Malaysia Sabah. Beliau berpengalaman dalam bidang alam semulajadi, taman dan rekreasi serta peranan komuniti dan sosial dalam pemeliharaan alam semulajadi. Program ceramah ini diadakan secara *virtual* di platform Google Meet.

TALK SERIES
“The Role of Communities in Natural Resource Management”
20 May 2021 (Thursday) | 11 AM | Google Meet: qsd-bxgm-jvo

Invited Speaker
DR ROSMALINA ABDUL RASHID
Senior Lecturer
Faculty of Tropical Forestry
Universiti Malaysia Sabah

Hosted by
DR AMAL NAJIHAH MUHAMAD NOR
Senior Lecturer
Faculty of Earth Science
Universiti Malaysia Kelantan

Entrepreneurship is our Thrust | #SainsKelestarian #DiscoverFSB SustainableScienceUMK

Ceramah ini berkisar tentang penglibatan komuniti dalam mengaplikasikan prinsip asas ekologi dalam pembangunan kepelbagaian ekosistem seperti kestabilan, kitar, populasi, mangsa-pemangsa, habitat, hubungan dan pengetahuan yang meliputi ekosistem daratan seperti hutan dan akuatik seperti sungai dan tasik termasuk samudera dalam pemeliharaan, pemuliharaan dan pengurusan ekosistem. Ia juga mengambilkira kitar asas kitaran hidrologi, karbon, nitrogen dan sulfur dalam menjaga kestabilan nic, habitat dan ekosistem. Penganjuran program ini telah menyediakan satu platform perkongsian dan perbincangan ilmiah dari penceramah insititusi luar dan meluaskan ilmu dan pengalaman pelajar bersama insititusi luar. Selain memberikan pendedahan ilmu kajian lapangan dan isu semasa kepada pelajar FSB, program ini dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di FSB menerusi platform ceramah secara *virtual*.

Inbox (8,233) - amalnajihah@un... x WhatsApp x Meet - qsd-bxgm-jvo x +

meet.google.com/qsd-bxgm-jvo

REC ROSMALINA BINTI ABDUL RASHID - is presenting Nurin Sofiyah Binti Abd Khafiz E20A... and 33 more

A sequence of tourism platform, Jafari (1989)

- Knowledge-Based** Promotes planning for tourism activities and destinations which attempt scientifically to determine impacts and capacities for tourism destinations
- Adaptability** In the early 1980s, the emergence of Alternative Tourism
- Cautionary** In the late 1980s, tourism can be perceived as an inherently destructive force that lead to negative impacts
- Advocacy** In 1990s and 1990s tourism is an inherently positive force left to evolve on its own


Meeting details Meeting controls Meeting participants

11:17 AM 20/5/2021

BENKEL PROJEK PENYELIDIKAN PELAJAR TAHUN AKHIR PROGRAM SEG DAN SEL (Siri 2)

Dr. Elvaene James & Pn. Siti Hajar Ya'acob

Pada hari Sabtu, 22 Mei 2021, penyelar Projek Penyelidikan (FYP I) Fakulti Sains Bumi telah menganjurkan Bengkel Projek Penyelidikan Siri Kedua yang melibatkan mahasiswa dan mahasiswi Tahun 3 bagi Program Geosains dan Sains Kelestarian. Jangka masa untuk bengkel ialah 2 jam setengah dan berakhir pada waktu tengahari. Bengkel ini merupakan lanjutan daripada Siri Pertama yang telah dianjurkan pada 27 Mac 2021. Tujuan utama bengkel ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang peraturan makmal dan keselamatan dan penggunaan perisian EndNote dalam penulisan tesis.



Topik peraturan makmal dan keselamatan telah disampaikan oleh En. Mohamad Fikri bin Samsudin yang merupakan pegawai sains FSB. Beliau menyentuh tentang pentingnya mengikut peraturan-peraturan makmal yang sangat berkait rapat dengan keselamatan untuk pengguna makmal. Selain daripada itu, beliau juga menunjukkan cara-cara mencari maklumat daripada laman sesawang untuk setiap bahan kimia yang hendak digunakan oleh pengguna semasa di dalam makmal.

Ceramah yang kedua disampaikan oleh Pn. Norhayati Binti Nordin iaitu pustakawan kanan UMK. Beliau menerangkan cara-cara untuk menaiktun perisian EndNote dan bagaimana untuk menggunakan perisian tersebut. Perisian EndNote berguna untuk memudahkan para penyelidik dalam pengurusan rujukan yang diperolehi daripada internet dan penggunaan 'online' dan 'offline' di dalam perisian Word semasa menulis kertas penyelidikan.

Kedua-dua ceramah tersebut sedikit sebanyak telah banyak membantu pelajar Tahun 3 didalam menambahkan lagi pengetahuan mereka terhadap dunia penyelidikan. Selain daripada itu, Cik Shafeeqah Hairuddin turut menyumbang ilmu tambahan dalam perisian EndNote semasa sesi soal jawab perisian EndNote yang dapat memberi manfaat kepada semua peserta.



GEOHERITAGE: INDUSTRIAL PERSPECTIVE

Dr. Nursufiah Sulaiman

Pada 1 Jun 2021, telah berlangsungnya satu webinar ceramah daripada pensyarah jemputan industri bagi kursus EGE4332 Pengenalan Geowarisan melalui platform Google Meet. Pensyarah jemputan adalah seorang pegawai geosains daripada Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Kelantan, Cik Atilia Bashardin. Tajuk webinar tersebut adalah “*Geoheritage: industrial perspective*”. Tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai geowarisan dari perspektif industri sebagai seorang ahli geologi. Selain itu, pelajar juga didedahkan dengan gambaran yang lebih jelas mengenai laluan kerjaya yang berkaitan dengan geowarisan yang boleh dipilih selepas bergraduasi.

Pelaksanaan program ini merupakan sebahagian daripada kelas Pengenalan Geowarisan dimana pelajar didedahkan tentang apa itu Geowarisan dan Geotapak terutamanya dari perspektif industri. Seramai lebih kurang 50 peserta telah menyertai program webinar selama sejam ini, dimana terdiri daripada pelajar yang mengikuti kursus Pengenalan Geowarisan, Pelajar Geosains dan alumni Geosains sendiri. Pelbagai isu semasa berkaitan dengan Geowarisan telah dibincangkan terutama tentang akta yang menjaga geotapak dari kemusnahan dan cara pemuliharaan geotapak supaya lebih terjaga. Selain itu, pelajar juga telah didedahkan tentang cabaran utama ahli geosains/ geologi dalam menaikkan sesuatu geowarisan kepada geotapak. Diharap dengan penjelasan daripada penceramah industri, pelajar lebih terbuka untuk kepada realiti kerjaya sebagai seorang ahli geosains/ geologi.

The composite image consists of three parts. On the left is a promotional poster for an industrial talk. At the top right of the poster are the logos for Universiti Malaysia Kelantan (UMK) and JMG. The main title is 'INDUSTRIAL TALK' in large, bold letters. Below it, the subtitle is 'GEOHERITAGE: INDUSTRIAL PERSPECTIVE'. The event details are: DATE: 1 JUN 2021, TIME: 12.00 PM, and PLATFORM: <https://meet.google.com/roz-ttuk-fqt>. The speaker is identified as 'SPEAKER: ATILIA BASHARDIN, GEOSCIENCE OFFICER, MINERAL AND GEOSCIENCE DEPARTMENT, KELANTAN'. The moderator is 'MODERATOR: DR. NURSUFAH SULAIMAN, SENIOR LECTURE, UMK'. A photograph of Dr. Nursufiah Sulaiman is shown in a circular inset. On the right side of the composite image are two screenshots of a Google Meet webinar. The top screenshot shows a grid of participants' video feeds, with several participants visible. The bottom screenshot shows a larger view of the webinar interface, including a list of participants and a chat window.

PROGRAM SIRI CERAMAH: LITERATURE SEARCHING, CITING & REFERENCING

Dr. Muhammad Firdaus Abdul Karim

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (SAINS SUMBER ASLI) DENGAN KEPUJIAN FAKULTI SAINS BUMI, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

GUEST LECTURE SERIES
LITERATURE SEARCHING, CITING & REFERENCING

Series 1
30th MAY 2021 (SUNDAY) 12:00 P.M.
Introduction to literature searching
Guest speaker: Mrs. SITI ZAHARAH MOHAMMAD ROHI, Librarian, The Office of Library & Knowledge Management, Universiti Malaysia Kelantan.
Moderator: EN. NIK MOHAMMAD THORIQUR RAHMAN, Natural Resource Sc. Program

Series 2
6th JUNE 2021 (SUNDAY) 12:00 P.M.
Introduction to EndNote
Guest speaker: Mrs. NORHAYATI NORDIN, Senior Librarian, The Office of Library & Knowledge Management, Universiti Malaysia Kelantan.
Moderator: MS. ROZHAM NUR AIN BINTI HAMDAN, Student, Natural Resource Sc. Program

COURSE COORDINATOR: DR. MUHAMMAD FIRDAUS ABDUL KARIM
KOD UPU: UL6850001

Program Sains Sumber Asli, Jabatan Sumber Asli & Kelestarian FSB bersama-sama dengan Pejabat Perpustakaan dan Pembangunan Ilmu telah menganjurkan siri ceramah “*Literature Searching, Citing & Referencing*” pada 30 Mei dan 6 Jun 2021. Siri latihan yang dijalankan secara maya ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada kaedah menjalankan kajian penyelidikan yang sistematik dan penulisan komunikasi saintifik yang mantap berpandukan kemudahan yang disediakan oleh Pejabat Perpustakaan dan Pembangunan Ilmu UMK. Program ini dihadiri oleh mahasiswa/i bagi kursus EFT2143 Kaedah Penyelidikan & Penulisan Sainifik serta terbuka kepada warga UMK.

Siri pertama program ini dipengerusikan oleh En. Nik Mohamad Thoriqur Rahman (pelajar Tahun 2 program Sains Sumber Asli) dan ceramah telah disampaikan oleh Pn. Siti Zaharah Mohammad Rohi (Pustakawan UMK). Peserta sesi ceramah ini diberikan pendedahan tentang teknik menjalankan kajian perpustakaan yang sistematik menggunakan kemudahan OpenAthens yang disediakan oleh Pejabat Perpustakaan dan Pembangunan Ilmu UMK bagi meningkatkan kualiti penulisan kajian saintifik.

Siri kedua program ini dipengerusikan oleh Cik Rozham Nur Ain Hamdan (pelajar Tahun 2 program Sains Sumber Asli) dan ceramah disampaikan oleh Pn. Norhayati Nordin (Pustakawan Kanan UMK). Sesi ini memberikan tumpuan kepada pengurusan bahan kajian perpustakaan yang sistematik serta kaedah membuat pernyataan rujukan bahan kajian perpustakaan menggunakan perisian EndNote.

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (SAINS SUMBER ASLI) DENGAN KEPUJIAN FAKULTI SAINS BUMI, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

30 MEI 2021 (AHAD)
PENSYARAH KURSUS EFT2143: DR. MUHAMMAD FIRDAUS ABDUL KARIM
Siri 1: INTRODUCTION TO LITERATURE SEARCHING
PELAJAR SEN TAHUN 2

PROGRAM "3 TAHUN DI UMK + 1 TAHUN DI INDUSTRI"
KOD UPU : UL6850001

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (SAINS SUMBER ASLI) DENGAN KEPUJIAN FAKULTI SAINS BUMI, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

6 JUN 2021 (AHAD)
PENSYARAH KURSUS EFT2143: DR. MUHAMMAD FIRDAUS ABDUL KARIM
Siri 2: INTRODUCTION TO ENDNOTE
PELAJAR SEN TAHUN 2

Moderator: Ms. Rozham Nur Ain binti Hamdan (SEN2)
Penceramah: Puan Norhayati Nordin (Pustakawan Kanan, UMK)

PROGRAM "3 TAHUN DI UMK + 1 TAHUN DI INDUSTRI"
KOD UPU : UL6850001

PROGRAM INDUSTRIAL TALK SERIES KURSUS EKONOMI, PERDAGANGAN & ALAM SEKITAR

Nor Hizami Hassin

INDUSTRIAL TALK SERIES
COURSE EKT3143 (ECONOMY, TRADE & ENVIRONMENT)

TAJUK:
PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA DAN LANGKAH DALAM MEREALISASIKAN SDG

PENCERAMAH
DR. ZUNIKA MOHAMED
TIMBALAN KETUA PENGARAH (MAKRO)
UNIT PERANCANG EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI

MODERATOR
EN. NOR HIZAMI HASSIN
PENSYARAH
FAKULTI SAINS BUMI

TARIKH: 8 JUN 2021 (SELASA)
WAKTU: 2.30 PM – 3.30 PM

Sebuah program perkongsian ilmiah daripada wakil agensi kerajaan yang bertajuk “Pertumbuhan Ekonomi Malaysia dan Langkah dalam Merealisasikan SDG” telah diadakan secara atas talian untuk subjek EKT3143 Ekonomi, Perdagangan & Alam Sekitar pada 8 Jun 2021. Perkongsian ini adalah keutamaan bagi pelajar Tahun 3 Program Sains Kelestarian Alam Sekitar Fakulti Sains Bumi namun turut juga ditonton bersama warga Fakulti dan orang awam memandangkan ia diadakan secara langsung menggunakan platform Facebook Live (Fakulti Sains Bumi – Rasmi). Program ini adalah yang pertama kali diadakan bagi subjek ini dan penceramah jemputan untuk sesi ini adalah Timbalan Ketua Pengarah (MACRO) Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri iaitu YBhg. Dr. Zunika Mohamed.

Objektif program ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada pelajar dan juga peserta mengenai keadaan semasa kemajuan ekonomi Malaysia seiring dengan usaha untuk mencapai matlamat pembangunan lestari 17 (SDG 17). Beliau telah menyampaikan banyak input dan informasi yang penting untuk pelajar dan juga penonton mengenai senario semasa pertumbuhan ekonomi Malaysia dan juga pencapaian semasa SDG Malaysia. Pendedahan dan perkongsian yang diberikan oleh penceramah diharapkan dapat membantu pelajar khususnya menambahkan ilmu pengetahuan mereka berkenaan pembangunan ekonomi, rancangan pembangunan ekonomi dan pengurusan ekonomi di Malaysia secara lestari. Program ini dilihat memberi impak yang positif dan akan diteruskan lagi pada masa akan datang bagi memberikan ruang kepada pelajar dan juga mencedok ilmu secara atas talian terutama ketika mana negara sedang berhadapan dengan krisis COVID-19 ini.

INDUSTRIAL TALK SERIES
COURSE EKT3143 (ECONOMY, TRADE & ENVIRONMENT)

TAJUK:
PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA DAN LANGKAH DALAM MEREALISASIKAN SDG

PENCERAMAH
DR. ZUNIKA MOHAMED
TIMBALAN KETUA PENGARAH (MAKRO)
UNIT PERANCANG EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI

MODERATOR
EN. NOR HIZAMI HASSIN
PENSYARAH
FAKULTI SAINS BUMI

TARIKH: 8 JUN 2021 (SELASA)
WAKTU: 2.30 PM – 3.30 PM

INDUSTRIAL TALK: INTRODUCTION TO TECHNICAL WRITING

Dr. Muhammad Firdaus Abdul Karim &
Muhammad Ammar Fakhry Norzin

Program *Industrial Talk: Introduction to Technical Writing* telah diadakan secara maya pada 13 Jun 2021. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada teknik penulisan laporan teknikal oleh industri, budaya dan etika kerja profesionalisme serta peluang kerjaya bagi graduan program Sains Sumber Asli. Sesi perkongsian ini dipengerusikan oleh En. Muhammad Ammar Fakhry Norzin (pelajar tahun 2 Program Sains Sumber Asli). Setiap sesi penceramah adalah selama 30 minit dan 15 minit adalah untuk sesi soal jawab.

Sesi ceramah dimulakan oleh Dr. Muhammad Firdaus Abdul Karim, (Pensyarah Kanan & Alumni FSB UMK) yang menekankan kepentingan teknik penulisan laporan teknikal supaya pelajar lebih bersedia untuk sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Sesi kedua diteruskan lagi oleh En. Mohd Zharif Azfar Kamarudin, Senior Cost Engineer (AMEC FOSTER WHEELER (B) SDN BHD). Beliau berkongsi kaedah penulisan laporan teknikal berkenaan kitaran projek, termasuk perbelanjaan dan ramalan hasil projek yang boleh meningkatkan tahap pengurusan sesuatu syarikat. Penyediaan laporan adalah seperti “telling a story” iaitu, padat, ringkas dan mudah difahami oleh klien.

Sesi penutup diakhiri oleh Pn. Zarith Sufiani Binti Baharom, Eksekutif Alam Sekitar (Environmental eAsia Sdn Bhd) dan alumni program Sains Sumber Asli, FSB UMK. Beliau berkongsi secara mendalam tentang kaedah penulisan dan penyediaan laporan Environment Impact Assessment (EIA) serta memberikan kata-kata dorongan kepada pelajar untuk sentiasa proaktif dan bersedia untuk melangkah ke alam pekerjaan. Peluang kerjaya bagi program Sains Sumber Asli adalah luas sekiranya pelajar rajin, peka, berani mencuba dan bersedia untuk belajar. Webinar ini telah mendapat sambutan yang baik daripada pelajar, dan juga mendapat maklumbalas yang positif. Pelajar menunjukkan respons yang baik ketika sesi soal jawab dan menunjukkan minat walaupun diadakan secara dalam talian.



PENGANJURAN E-KOLOKSIUM PROJEK PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR II PROGRAM SAINS SUMBER ASLI

Dr. Norashikin Mohd Fauzi

Nature Explorers PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (SAINS SUMBER ASLI) DENGAN KEPUJIAN FAKULTI SAINS BUMI, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

MAJLIS PENUTUPAN E-KOLOKSIUM PROJEK PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR II PROGRAM SAINS SUMBER ASLI 2021

OLEH
YBRS. PROF MADYA TS. DR. MOHAMAD FAIZ MOHD AMIN
DEKAN
FAKULTI SAINS BUMI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

TARIKH: 15 JUN 2021 (SELASA)
MASA: 4.00 PM

PROGRAM "3 TAHUN DI UMK + 1 TAHUN DI INDUSTRI"

PILIH SEN SEBAGAI PILIHAN UTAMA
KOD UPU : UL6850001

Pada 15 Jun 2021, telah diadakan e-Kolokium Projek Penyelidikan Tahun Akhir II bagi Program Sains Sumber Asli (SEN). Kursus Projek Penyelidikan II merupakan suatu kursus untuk memperkenalkan proses pembentukan pelajar untuk menjadi penyelidik yang sistematik dan mengetahui kaedah menjalankan kajian secara saintifik. Pembentangan akhir adalah untuk menilai pelajar dari segi penyiasatan akademik, terkawal, bercorak empirikal dan penambahbaikan mengenai kajian yang dijalankan. Proses ini adalah penting untuk menghasilkan pelajar sains yang berkualiti untuk masyarakat dan menghasilkan alumni yang berkerjaya cemerlang.

Penganjuran e-kolokium yang melibatkan seramai 20 orang pelajar tahun akhir Program SEN ini telah dijalankan secara atas talian melalui pautan Google Meet. Melalui platform e-kolokium ini, para pelajar dengan jayanya telah membentangkan hasil projek penyelidikan yang membanggakan. Segala bentuk penemuan dan analisis telah disintesis secara saintifik dalam bentuk penulisan laporan.

Para pelajar telah ditempatkan dalam empat slot pembentangan berasingan yang dinilai oleh para pensyarah yang pakar dalam bidang yang berkaitan dengan tajuk pembentangan para pelajar masing-masing. Seramai empat orang pembentang terbaik untuk setiap slot telah diumumkan sewaktu majlis penutupan e-kolokium oleh Dekan Fakulti Sains Bumi, YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Faiz Mohd Amin.



Berikut adalah senarai pembentang terbaik untuk setiap slot pembentangan:

Slot Pembentangan	Nama Pembentang	Tajuk Projek Penyelidikan Tahun Akhir	Penyelia
1	Nurrin Zatil Hidayah Damsudin	Anatomy analysis of <i>E.litorris</i> and <i>G. leucantha</i> in Jeli, Kelantan	Dr. Suganthi a/p Appalasley
2	Norsyuhadah Yusri	Determination of microplastics in freshwater aquatic insects	Dr. Norashikin Mohd Fauzi
3	Siti Hafidah Mohd. Ruhazi	Spatiotemporal analysis based on integrated remote sensing in river basin of Kelantan	Dr. Shaparas Daliman
4	Nur Syakirah Ismail	Bird abundance in rice fields of Bukit Yong, Pasir Putih, Kelantan	Dr. Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah

Tahniah diucapkan kepada semua pelajar tahun akhir SEN dan para penyelia masing-masing kerana telah bertungkus lumus menyiapkan Projek Penyelidikan Tahun Akhir dalam cabaran berhadapan dengan penyeliaan jarak jauh disebabkan oleh pandemik CCVID-19. Semoga segala pengalaman dan cabaran yang ditempuhi oleh pelajar tahun akhir ini dapat memantapkan minda dan membentuk sahsiah diri yang mantap.



FSB IP TALK 2.0: PROTECTING THE CREATION OF MINDS

Dr. Muhammad Firdaus Abdul Karim, Ts. Dr. Noor Janatun Naim
Jemali & Noordiana Mohamad Nasir

Harta Intelek atau dalam Bahasa Inggeris “*Intellectual Property (IP)*” merujuk kepada ciptaan minda seperti penemuan, karya sastra, seni, reka bentuk dan simbol, nama dan gambar yang digunakan dalam perdagangan atau secara komersil. Program IP Talk yang pertama telah dianjurkan oleh Fakulti Sains Bumi pada tahun 2018 yang lalu bersama perunding luar. Tahun 2021, program ini diberikan nafas baru dan lebih berfokus kepada perkongsian pengalaman oleh ahli akademik yang telah memiliki IP serta penerangan proses serta prosedur dalaman universiti bagi meningkatkan kefahaman dan motivasi ahli akademik untuk mendaftar pemilikan IP.



Program FSB IP Talk 2.0 ini dipengerusikan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi & Pascasiswazah FSB, Ts. Dr. Noor Janatun Naim Jemali, dan telah berlangsung selama dua jam secara *virtual* menerusi Google Meet, Facebook dan YouTube Live. Panel pertama (YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Aweng Eh Rak, Pengarah UMK Kampus Jeli) memberikan perkongsian pengalaman pendaftaran IP, definisi, kriteria dan suntikan motivasi ke arah pendaftaran paten bagi produk inovasi penyelidikan. Sesi kedua adalah perkongsian terperinci oleh Pengarah, Bahagian Komersial dan Harta Intelek UMK, iaitu YBhg. Prof. Madya Ir. Dr. Julie Juliewatty Mohamed berkenaan prosedur dalaman UMK dan amalan baik bagi membantu proses permohonan dan pendaftaran IP.

Adalah diharapkan pengajuran program ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli akademik berkenaan pemilikan IP selaras dengan hasrat UMK bergerak ke arah kecemerlangan pengkomersialan penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Program ini adalah anjuran Jawatankuasa Penyelidikan & Inovasi, Fakulti Sains Bumi yang telah disertai oleh 48 peserta dari pelbagai latar belakang, dan menerima 143 tontonan menerusi platform media sosial Fakulti Sains Bumi. Rakaman program ini boleh ditonton semula menerusi Facebook (Fakulti Sains Bumi – Rasmi) dan YouTube (Discover FSB).



FSB RESEARCH TALK

ChM. Dr. Nik Raihan Nik Yusoff

FSB Research Talk adalah salah satu aktiviti biro Pembangunan Seminar di bawah Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Fakulti. Program ini berlangsung secara atas talian dan diadakan secara berkala setiap 2 bulan sekali sepanjang tahun. Penceramah adalah dikalangan staf akademik FSB dan program ini dimulakan dengan perkongsian dari staf akademik penerima geran *Rising Star* FSB. Antara hebahan poster dan gambar sepanjang perkongsian tersebut adalah seperti berikut:



Submitted international grants applications?

- Key tips for international grant submission
- Most international grants are handled online, so registration accounts are required
- Some require institutional registration eg some grants require Techsoup registration
- American government grants require DUNS number
- Most international grants requires international referees
- Some even ask evidence of institution's legal entity
- Some grants allow university applications, but questions/sections are catered for business entities
- Hence early preparation is needed, its best to go through the form thoroughly, you may fill in dummy response to get to the next pages
- Q5. Have you submitted an international grant before?

FYP Project - 1 Paper Scopus
 Period: 2020-2021
 Study Area: 4 locations
 Analysis: 4

Paper 1: Scopus
 Period: 2020
 Study Area: Area 1; Area 2; Area 3
 Analysis: No.1; No.2

Paper 2: Scopus
 Period: 2021
 Study Area: Area 4
 Analysis: No.3; No.4

KEJAYAAN PRODUK TERMICIDE DI PERTANDINGAN INOVASI ANTARABANGSA

Ts. Dr. Suganthi Appalasamy

Produk racun serangga yang mampu mengawal serangan anai-anai di kawasan perumahan telah dihasilkan oleh penyelidik Fakulti Sains Bumi, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Jeli, Ts. Dr. Suganthi Appalasamy. Produk TERMICIDE ini merupakan hasil penyelidikan geran Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu Fundamental Research Grant Scheme 2017.

Produk TERMICIDE ini juga dibiayai oleh geran Tan Sri Fng untuk penyelidikan dan survei di lapangan di sekitar Kelantan. Inovasi ini yang menggunakan teknologi hijau dan kandungan organik amat sesuai digunakan dalam rumah dan tidak menghasilkan sebarang bau toksik. Pada tahun 2021, produk TERMICIDE telah dipertandingkan di pertandingan inovasi antarabangsa seperti “Malaysia Technology Expo” dan “48TH International Exhibitions of Innovation of Geneva 2021” dan memenangi pingat emas.



PRODUK INOVASI PENYELIDIK FSB MERANGKUL EMAS DI PERTANDINGAN KEBANGSAAN

Ts. Dr. Suganthi Appalasy, Dr. Muhamad Azahar Abas & Dr. Jayaraj Vijaya Kumaran



Tiga penyelidik dari Fakulti Sains Bumi telah merangkul pingat emas dan satu hadiah “Special Academic Award” pertandingan inovasi “Ekspo Maya Rekacipta & Pameran Penyelidikan (eREKA) 2021” anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Dr. Muhamad Azahar Abas telah mempertengahkan produk inovasi bertajuk “Biocide for Sick Building Syndrome Fungus (BioC SBSF)”, Dr. Jayaraj Vijaya Kumaran dengan produk inovasinya yang bertajuk “SpeedDNA Isolation Kit” dan produk inovasi bertajuk “TERMICIDE: Liquid Anti Termite for Household” oleh Ts. Dr. Suganthi Appalasy. Produk TERMICIDE ini juga memenangi “Special Category Award Biotechnology, Medical Device, Pharmaceuticals & Health”.

FAKULTI SAINS BUMI

Kami menyediakan peluang kepada kehidupan masa hadapan



Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) Dengan Kepujian

Memberi perhatian khusus untuk mengekalkan keseimbangan ekologi dengan aplikasi penggunaan sains dan teknologi yang menyumbang kepada keseimbangan pembangunan.



Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian) Dengan Kepujian

Memberi gambaran jelas berkaitan isu dan masalah alam sekitar serta penyelesaiannya secara rentas disiplin bagi menjamin kesejahteraan masyarakat pada masa kini dan generasi akan datang.



Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) Dengan Kepujian

Mengkhususkan diri dalam pengurusan sumber-sumber geologi semulajadi untuk memastikan kesinambungan sumber daya untuk manfaat masa depan.



Pra-Ijazah Sains UMK

Menyediakan peluang kepada pelajar aliran sains tulen lepasan STPM Sains dan Matrikulasi Sains yang tidak memenuhi syarat kemasukan ke mana-mana program universiti melalui pembelajaran intensif selama satu (1) semester di UMK Kampus Jeli.



Asasi Sains UMK

Menyediakan pelajar lepasan SPM dengan asas dan pengetahuan yang kukuh dalam kursus sains dan keusahawanan agar mencapai piawai dan kualiti yang tinggi sebelum melangkah ke program Ijazah Sarjana Muda bidang sains dan veteriner di UMK.



Pengiktirafan Penuh

Semua program Ijazah Sarjana Muda kami telah mendapat akreditasi dari MQA. Diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.



09 - 947 7342



09 - 947 7341



fsb.umk.edu.my